

21 JUL 1999

Pelajar

PELAJAR MELAYU PERLU UBAH SIKAP UNTUK CEMERLANG

PULAU PINANG, 21 Julai (Bernama) -- Pelajar Melayu di Institusi Pengajian Tinggi boleh mencapai kecemerlangan tinggi sekiranya mempunyai semangat dan keazaman kuat untuk mengubah sikap, kata Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Datuk Prof Ishak Tambi Kechik.

Beliau berkata, mereka perlu mengubah sikap terutama mengenai cara pengurusan masa, berdisiplin dan bersungguh-sungguh dalam bidang pelajaran agar mencapai kejayaan setimpal dengan wang yang dibelanjakan semasa berada di kampus.

Mereka harus insaf dan sedar dengan pencapaian yang tidak memuaskan itu dan berusaha untuk menyaingi pencapaian pelajar kaum lain, katanya pada persidangan berita di sini.

Ishak berkata terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti sebagai punca kelemahan pelajar Melayu di USM antaranya ialah kurang disiplin, tidak pandai menguruskan masa dan tidak menggunakan kemudahan yang disediakan untuk belajar.

"Sepatutnya pencapaian pelajar Melayu dan bukan Melayu tidak berbeza kerana mereka mengikuti pelajaran dan kuliah yang sama, menghadiri aktiviti ko-kurikulum yang serupa, menghadapi persekitaran kampus dan menduduki peperiksaan yang sama," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pencapaian pelajar Melayu di negara ini.

Ishak mengakui bahawa pencapaian pelajar Melayu masih tidak seimbang dengan pencapaian bukan Melayu walaupun terdapat sedikit kemajuan dalam prestasi mereka pada masa ini berbanding sebelumnya.

Bagaimanapun, katanya, ada yang beranggapan bahawa kecemerlangan dalam bidang akademik tidak menjamin kecemerlangan dalam dunia pekerjaan dan pelajar yang tidak begitu cemerlang dalam bidang akademik masih boleh berjaya dan menunjukkan prestasi yang membanggakan apabila bekerja.

Ishak juga berkata, USM tidak menerima sebarang laporan mengenai penglibatan kakitangan akademiknya menghasut pemikiran pelajar dengan perkara yang tiada kaitan dengan pendidikan

Katanya tidak wajar pensyarah berbuat demikian dan USM akan menyiasat sekiranya terdapat laporan seumpama itu bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil.

Beliau berkata, USM memperkenalkan sistem membenarkan pelajar membuat penilaian terhadap prestasi kakitangan akademik serta memastikan pengajaran dan pembelajaran yang mereka ikuti mengikut sinopsis kursus.

Katanya, semua maklumat balas itu akan dianalisis oleh pusat komputer dan laporan diserahkan kepada dekan-dekan untuk tindakan selanjutnya.

-- BERNAMA

ZU MAI